

AS labur RM160j di Pulau Indah

Firma Myfuel bina kemudahan pemprosesan biodiesel mula beroperasi pada 2008

Oleh Suffian A Bakar

ZON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di Pulau Indah terus menjadi pilihan pelabur asing dan terkini ialah Myfuel Ltd dari New Jersey, Amerika Syarikat yang akan melabur RM160 juta bagi membina kemudahan pemprosesan biodiesel.

Myfuel menerusi dua anak syarikatnya, Biodiesel SP Sdn Bhd dan Biodiesel LD Sdn Bhd, diperuntukkan kawasan seluas 3.2 hektar di zon bebas itu menerusi dua perjanjian sewaan berasingan dengan Port Klang Free Zone Sdn Bhd, anak syarikat Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) baru-baru ini.

Pengarah Urusannya, Waheb George Joukador, berkata kemudahan pemprosesan itu meliputi dua kilang pemprosesan dengan keupayaan menghasilkan 350,000 tan biodiesel setahun.

Katanya, kilang itu yang dibina kontraktor tempatan, Fine Matrix Projects Sdn Bhd dan mengguna pakai peralatan pemprosesan Desmet Ballestra dari Eropah, dijangka beroperasi Julai 2008.

"Kami menjangkakan, dengan ke-

upayaan maksimum kedua-dua kilang berkenaan dapat menjana pendapatan tahunan sekitar RM1 bilion," katanya pada taklimat media mengenai pembangunan kilang terbabit di Kuala Lumpur, semalam.

Ditanya sebab kumpulan itu me-



“Kami jangkakan, dengan keupayaan maksimum kedua-dua kilang berkenaan mampu menjana pendapatan tahunan sekitar RM1 bilion”

Waheb George Joukador
Pengarah Urusan Myfuel Ltd

milih PKFZ, Joukador berkata pihaknya berkeyakinan penuh dengan pengurusan PKFZ berdasarkan cara ia mengendalikan kemasukan Kumpulan Myfuel ke dalam zon berkenaan.

"Kami mendapat janji niaga menarik iaitu jaminan sewaan untuk 30 tahun dengan opsyen penyambungan 30 tahun lagi," katanya.

Port Klang Free Zone sebelum ini mensasar 80 peratus kawasan di PKFZ akan dihuni dalam tempoh lima tahun dengan pendapatan tahunan sekitar RM80 juta.

Walaupun PKFZ hanya memulakan operasi 1 November tahun lalu, ia berjaya menarik 30 pelabur dengan nilai pelaburan RM725 juta dan menawarkan 809 peluang pekerjaan.

Joukador berkata, langkah penanaman semula sawit secara besar-besaran di Malaysia sejak 2004 telah memula menghasilkan tuai tinggi dan perkembangan itu adalah baik

bagi industri biodiesel.

"Bagi kami harga ideal minyak sawit mentah (MSM) untuk industri biodiesel ialah antara RM1,900 setan hingga RM2,000 setan," katanya sambil menambah harga semasa MSM yang tinggi, pasaran biodiesel antarabangsa kurang menarik serta kenaikan bahan api fosil adalah cabaran dihadapi peserta industri biodiesel seluruh dunia ketika ini.

Beliau berkata, Myfuel sudah memeterai pengaturan bekalan dengan pembekal minyak sawit terkemuka, selain memeterai perjanjian pembekalan pihak ketiga bagi tujuan pemasaran dan jualan untuk memastikan bekalan mencukupi.

Katanya, syarikat memeterai perjanjian pemasaran dan pengedaran dengan World Energy Alternatives (WEA) yang mana semua pembelian biodiesel oleh WEA dari Asia Pasifik akan dibekalkan oleh Myfuel.